

02 FEB 1999

Suruhanjaya-Umum

BIDANG TUGAS SURUHANJAYA HARUS DIUMUM, KATA NGO

KUALA LUMPUR, 2 Feb (Bernama) -- International Movement for a Just World mahu supaya diumumkan segera bidang tugas Suruhanjaya Siasatan yang ditubuhkan untuk menyiasat kecederaan yang dialami oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa dalam tahanan polis.

Presidennya Prof. Chandra Muzaffar berkata bidang tugas itu harus memastikan bahawa Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa untuk mengenal pasti individu atau mereka yang bertanggungjawab bagi kecederaan ke atas Anwar dan mereka yang bersubahat melakukan perbuatan itu.

"Sekali lagi, rakyat Malaysia berasa hairan mengapa bidang tugas Suruhanjaya itu tidak diumumkan semasa penubuhan suruhanjaya itu diumumkan," kata beliau dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan mengumumkan hasil siasatan dan suruhanjaya itu sendiri akan menentukan bidang tugasnya.

Suruhanjaya empat anggota itu yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada 27 Jan lalu diketuai oleh bekas Hakim Besar Malaya Tan Sri Annuar Zainal Abidin.

Anggotanya yang lain ialah bekas Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Mahadev Shankar, bekas Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), pakar bedah otopaedik Datuk Dr Yeoh Poh Hong dan bekas Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Othman.

Chandra juga berkata kerajaan harus memastikan prosidingnya dijalankan secara siasatan terbuka.

Beliau berkata kerajaan juga harus membuat perakuan kepada Yang di-Pertuan Agong supaya anggota tambahan dari kalangan parti pembangkang dan Pertubuhan Bukan Kerajaan dilantik menganggotai Suruhanjaya itu.

-- BERNAMA

RV AHH FAZ